

24/11/1999

Pas tidak ikhlas perkenal hudud

MELAKA, Selasa - Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba berkata Pas tidak ikhlas dalam usaha memperkenalkan hukum hudud di negara ini kerana ia dikhususkan kepada masyarakat Melayu saja.

Menurut Ghafar, beliau pernah berdebat dengan ahli jawatankuasa Pas Pusat, Subky Latif, beberapa tahun lalu sewaktu Pas berura-ura memperkenalkan hukum hudud di Kelantan.

Katanya, dalam perdebatan itu, Subky begitu bersungguh-sungguh mempertahankan cadangan Pas dengan alasan hendak mewujudkan sebuah negara Islam yang benar-benar tulen.

Bagaimanapun, beliau berkata, Subky tidak dapat menjawab apabila ditanya mengapa hanya orang Melayu yang termasuk dalam hukum hudud itu, sedangkan kaum lain yang melakukan kesalahan syariah, terlepas begitu saja.

"Jika orang Melayu saja yang dikenakan hukuman potong tangan kerana mencuri sedangkan bangsa lain terlepas begitu saja, bagaimana orang Melayu hendak berperang atau memegang senjata jika berlaku peperangan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menghadiri ceramah Barisan Nasional (BN) di Paya Dalam di sini, malam tadi.

Turut hadir Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd Ali Rustam yang akan bertanding di Dewan Undangan Negeri (DUN) Paya Rumpit dan calon BN bagi DUN Ayer Molek, Datuk Mo'min Abdul Aziz.

Menurut Ghafar, berikutan perdebatan itu, Subky berjanji untuk menemukan dirinya dengan penggubal hukum hudud berkenaan tetapi sehingga hari ini, pertemuan itu tidak pernah dilakukan.

Beliau berkata, jika diberi peluang, beliau ingin menemui pengundi di Kubang Pasu kawasan Subky bertanding menentang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mendedahkan tembelang Pas.

Katanya, beliau berani menentang Pas kerana Pas bukanlah agama tetapi sebuah parti yang bertopengkan Islam.

Menurutnya, pemimpin Pas sering menimbulkan isu yang karut sehingga tidak setaraf dengan imej parti itu yang kononnya diwakili oleh ramai ulama.

(END)